

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

31 JULAI 2025

PLUS DAN UEM LESTRA MEMETERAI MoU UNTUK MENEROKA PROJEK SOLAR BERSKALA BESAR

Ayer Keroh dipilih sebagai tapak pertama bagi inisiatif kelestarian bersama

Petaling Jaya, 31 Julai 2025 – PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan UEM Lestra Berhad (UEM Lestra), yang merupakan anak syarikat kepada UEM Group Berhad (UEM Group), telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneroka secara bersama pelaksanaan projek solar berskala besar (Large Scale Solar - LSS), bermula dengan pembangunan ladang solar di tanah milik PLUS di Ayer Keroh, Melaka.

Kerjasama ini merangkumi cadangan pembangunan ladang solar di atas tanah seluas 200-ekar, Fasa 2 dalam Pelan Utama Konsep Tanah Ayer Keroh oleh PLUS. Keseluruhan pelan induk ini merangkumi tanah seluas 338-ekar bagi pembangunan bercampur yang turut merangkumi pembangunan runcit mobiliti dan perumahan di bawah Fasa 1 dan 3.

Pemeterai MoU ini sejajar dengan aspirasi nasional negara untuk mencapai sasaran Sifar Bersih menjelang tahun 2050, serta menandakan permulaan kerjasama strategik antara kedua-dua syarikat dalam merealisasikan visi yang lebih luas untuk membuka potensi aset tanah milik PLUS bagi pembangunan baharu termasuk infrastruktur hijau dan inisiatif lestari.

Majlis menandatangani MoU telah diadakan baru-baru ini di Persada PLUS dan disempurnakan oleh Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengarah Urusan PLUS dan Harman Faiz Habib Muhamad, Ketua Pegawai Eksekutif UEM Lestra.

Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, “Kerjasama dengan UEM Lestra mencerminkan komitmen PLUS dalam memainkan peranan proaktif terhadap pembangunan lestari dengan memanfaatkan infrastruktur dan aset tanah strategik kami untuk menjana tenaga boleh diperbaharui dan menyokong sasaran sifar bersih negara.”

“Inisiatif ini juga turut menyokong pelan jangka panjang PLUS ke arah lebuh raya yang selamat, lestari dan pintar, sekaligus mengukuhkan lagi peranan kami sebagai rakan pembangunan negara yang menerajui inovasi dan pemeliharaan alam sekitar,” tambahnya.

MoU ini turut merangkumi usaha bersama untuk mengenal pasti tapak-tapak lain yang bersesuaian dengan tujuan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan menyokong agenda kelestarian negara.

KENYATAAN MEDIA

Menurut Harman Faiz Habib Muhamad, "Kerjasama ini merupakan satu lagi pencapaian penting perancangan strategik UEM Lestra dalam sektor tenaga boleh diperbaharui di Malaysia. Berdasarkan kepada pengetahuan teknikal serta keupayaan pengurusan projek, kami komited untuk merealisasikan pembangunan projek ladang solar berskala besar yang lestari dan berimpak tinggi di tanah milik PLUS di Ayer Keroh berserta dengan inisiatif-inisiatif lain yang seumpamanya."

UEM Lestra, dikenali dengan portfolio tenaga boleh baharu yang terbukti serta keupayaan teknikalnya akan menerajui perancangan dan penilaian kebolehlaksanaan projek LSS.

-END-

SILA HUBUNGI:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---

Ernie Sharif Timbalan Pengurus Besar, Komunikasi dan Pengurusan Pihak Berkepentingan UEM Lestra Berhad Telefon Bimbit: 013-3881797 Emel: ernie.sharif@uemlestra.com

KENYATAAN MEDIA

LAMPIRAN



(Dari kiri ke kanan)...Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar dan Harman Faiz Habib Muhamad, Ketua Pegawai Eksekutif UEM Lestra telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneroka secara bersama pelaksanaan projek solar berskala besar (LSS) di Persada PLUS, baru-baru ini.



(Dari kiri ke kanan)...Ketua Pegawai Kewangan PLUS, Sharuddin Omar Hashim; Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar bersama Harman Faiz Habib Muhamad, Ketua Pegawai Eksekutif UEM Lestra dan Ketua Pegawai Kewangan UEM Lestra, Noorlida Jelani setelah memeterai perjanjian MoU sebagai usaha bersama menyokong agenda kelestarian negara di Persada PLUS baru-baru ini.